

MEDIA STATEMENT

For Immediate Release

Malaysia's Score In The 2023 Open Budget Survey (OBS) Highlights The Need To Increase Fiscal Transparency

Kuala Lumpur, 30 May 2024: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) calls for more comprehensive budget information and stronger parliamentary oversight following the release of the 2023 Open Budget Survey (OBS) results by the International Budget Partnership (IBP). The OBS, a crucial tool for assessing budget transparency, public participation, and oversight in 125 countries, reveals that Malaysia's progress remains insufficient, underscoring the urgent need for significant improvements in budget governance. Despite a slight improvement in the transparency score to 48/100 from 47 in 2021, Malaysia still lags behind its neighbours such as the Philippines (75), Indonesia (70), Thailand (60) and Vietnam (51), signalling an urgent need for increased accessibility of budget information, particularly through timely online publication of essential documents. Similarly, efforts to enhance public participation and budget oversight have only shown minor progress, with scores of 28 and 43, respectively, showing minor progress from 26 and 39 in 2021, highlighting ongoing significant challenges in these areas.

"Although Malaysia's transparency score has remained steady with just a 1-point improvement, we expect some improvement by the next round because the Public Finance and Fiscal Responsibility Act (PFFRA) was introduced last year, which mandates some important transparency requirements, such as publishing a mid-year expenditure performance report. We anticipate this year's budget process to implement these disciplines. However, budget documents should also provide more substantive information to the public, especially on comparisons between borrowing estimates and actual outcomes, and more information on off-budget funds. More comprehensive pre-budget statements and mid-year reporting would enable MPs to prepare for a more informed budget debate and ensure accountability for the actual outcomes from proposed expenditure," stated IDEAS CEO Dr Tricia Yeoh.

Weak legislative oversight, reflected in a score of 43 out of 100, shows the need for more empowered and active parliamentary committees to scrutinise the budget. "While we acknowledge incremental progress in certain aspects of budget governance, Malaysia's standing in the OBS underscores the urgent need for comprehensive institutional reforms, particularly in parliamentary oversight which is extremely weak. Parliamentary committees should be empowered to scrutinise budget proposals and should examine and report on budget implementation."

Despite initiatives such as pre-budget submissions, opportunities for public engagement remain restricted. Moreover, with a public participation score of just 28 out of 100, Malaysia faces hurdles in facilitating meaningful involvement of the public in the budget process. Alissa Rode, Senior Manager of Research at IDEAS and principal researcher for Malaysia's OBS 2023, added, "Transparency is not just about the budget speech in Parliament once a year. It is about providing meaningful and substantive ways for the public to participate by providing avenues for civil society and the public to give feedback through Parliament, ensuring vulnerable groups are consulted, and reporting on meaningful outcomes from consultations."

Budget information assessed for the Open Budget Survey 2023 was taken up to the cut-off date of 31 December 2022. The Open Budget Survey covers 125 countries that are home to 7.5 billion people and assess the openness and accountability of budgets that totaled more than \$33.5 trillion in spending in FY 2022. Transparency helps the public understand the government's budget priorities; public participation mechanisms enable them to contribute to these priorities; and formal oversight of the budget from the legislature guides and scrutinises budget choices while audit institutions assess the legality, efficiency, and effectiveness of public spending.

For a summary of Malaysia's 2023 OBS results, visit:

<https://internationalbudget.org/open-budget-survey/country-results/2023/malaysia>

[ENDS]

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,
visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Pemarkahan Malaysia dalam Tinjauan Belanjawan Terbuka (Open Budget Survey, OBS) 2023 Garis Keperluan untuk Tingkatkan Ketelusan Fiskal

Kuala Lumpur, 30 Mei 2024: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menyeru kepada penerapan maklumat belanjawan yang lebih komprehensif dan pengawasan Parlimen yang lebih kuat berikutan penerbitan hasil pemarkahan Tinjauan Belanjawan Terbuka (OBS) 2023 oleh International Budget Partnership (IBP). OBS, alat penting untuk menilai ketelusan belanjawan, penyertaan awam, dan pengawasan di 125 buah negara, menunjukkan bahawa kemajuan yang ditunjukkan Malaysia masih tidak mencukupi, menekankan keperluan mendesak untuk peningkatan ketara dalam tadbir urus belanjawan. Walaupun terdapat sedikit peningkatan dalam skor ketelusan kepada 48/100 daripada 47 pada tahun 2021, Malaysia masih ketinggalan berbanding negara jiran seperti Filipina (75), Indonesia (70), Thailand (60) dan Vietnam (51), mengisytiharkan keperluan mendesak untuk meningkatkan capaian maklumat belanjawan, terutamanya melalui penerbitan dokumen penting dalam talian secara tepat pada masanya. Usaha untuk meningkatkan penglibatan awam dan pengawasan belanjawan juga hanya menunjukkan peningkatan kecil, dengan skor masing-masing 28 dan 43, yang hanya meningkat sedikit daripada 26 dan 39 pada tahun 2021, menunjukkan cabaran besar yang berterusan dalam hal ini.

“Walaupun skor ketelusan Malaysia kekal stabil dengan peningkatan hanya 1 mata, kami menjangkakan beberapa peningkatan pada pusingan seterusnya kerana Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (PFFRA) telah diperkenalkan tahun lepas, yang mewajibkan beberapa keperluan ketelusan penting, seperti menerbitkan laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun. Kami menjangkakan proses belanjawan tahun ini akan melaksanakan disiplin yang disebutkan ini. Walau bagaimanapun, dokumen belanjawan juga perlu menyediakan maklumat yang lebih substantif kepada orang awam, terutamanya mengenai perbandingan antara anggaran pinjaman dan hasil sebenar, serta maklumat lanjut mengenai dana luar belanjawan. Kenyataan pra-belanjawan yang lebih komprehensif dan pelaporan pertengahan tahun akan membolehkan Ahli Parlimen bersedia untuk perbincangan belanjawan yang lebih bermaklumat dan memastikan akauntabiliti terhadap hasil sebenar daripada perbelanjaan yang dicadangkan,” kata Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Dr Tricia Yeoh.

Pengawasan legislatif yang lemah, yang dizahirkan melalui skor 43 daripada 100, menunjukkan keperluan untuk memperkasakan dan mengaktifkan lebih banyak jawatankuasa parlimen untuk meneliti belanjawan. “Walaupun kami mengakui kemajuan beransur-ansur dalam aspek tertentu tadbir urus belanjawan, kedudukan Malaysia dalam OBS menekankan keperluan mendesak untuk pembaharuan institusi yang menyeluruh, terutamanya dalam pengawasan parlimen yang sangat lemah. Jawatankuasa parlimen harus diperkasakan untuk meneliti cadangan belanjawan dan harus memeriksa serta melaporkan pelaksanaan belanjawan.”

Walaupun terdapat inisiatif seperti cadangan pra-belanjawan, peluang untuk penglibatan awam tetap terhad. Selain itu, dengan skor penglibatan awam hanya 28 daripada 100, Malaysia menghadapi rintangan dalam memudahkan penglibatan awam yang bermakna dalam proses belanjawan. Alissa Rode, Pengurus Kanan Penyelidikan di IDEAS dan penyelidik utama untuk OBS Malaysia 2023, menambah, "Ketelusan bukan semata mata tentang ucapan belanjawan sekali setahun di Parlimen. Ia mengenai menyediakan cara yang bermakna dan substantif untuk orang awam turut serta dengan menyediakan saluran untuk masyarakat sivil dan orang awam memberi maklum balas melalui Parlimen, memastikan kumpulan masyarakat rentan dirundingkan, dan melaporkan hasil bermakna daripada rundingan tersebut."

Maklumat belanjawan yang dinilai untuk Tinjauan Belanjawan Terbuka 2023 diambil sehingga tarikh akhir 31 Disember 2022. Tinjauan ini merangkumi 125 buah negara yang didiami oleh 7.5 bilion orang dan menilai keterbukaan dan akauntabiliti belanjawan yang berjumlah lebih daripada \$33.5 trilion dalam perbelanjaan untuk tahun kewangan 2022. Ketelusan membantu orang awam memahami keutamaan belanjawan kerajaan; mekanisme penglibatan awam membolehkan mereka menyumbang kepada keutamaan ini; dan pengawasan belanjawan oleh badan legislatif membimbing dan meneliti pilihan belanjawan sementara institusi audit menilai kesahihan, kecekapan, dan keberkesanan perbelanjaan awam.

Untuk ringkasan keputusan pemarkahan OBS Malaysia 2023, sila layari:

<https://internationalbudget.org/open-budget-survey/country-results/2023/malaysia>

[TAMAT]

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus, Advokasi dan Program

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua. Untuk maklumat lanjut, layari www.ideas.org.my